

Faktor – Faktor Yang Mempengaruhi Minat Pelajar Tahun Akhir Terhadap Bidang Keusahawanan Di UTM.

Rosni Zamuddin Shah Bin Sidek & Norfazila Binti Abu Bakar
Fakulti Pendidikan
Universiti Teknologi Malaysia

Abstrak: Kajian ini bertujuan untuk mengkaji apakah faktor-faktor yang mempengaruhi pelajar tahun akhir aliran Jabatan Pendidikan Teknikal dan Kejuruteraan di Universiti Teknologi Malaysia terhadap bidang keusahawanan. Responden kajian ini terdiri daripada 140 orang pelajar Tahun Akhir aliran Jabatan Pendidikan Teknikal dan Kejuruteraan. Instrumen yang digunakan ialah soal selidik yang dibina bagi menjawab lima persoalan kajian untuk menentukan apakah faktor-faktor yang mempengaruhi minat pelajar terhadap bidang keusahawanan. Data dianalisis menggunakan *Program Statistical Package for Social Science (SPSS) versi 13.0* untuk mendapatkan min, kekerapan dan peratusan. Hasil kajian menunjukkan faktor yang paling tinggi mempengaruhi minat pelajar ialah faktor mata pelajaran Perdagangan dan Keusahawanan dan faktor pensyarah dengan nilai min 3.7. manakala faktor rakan sebaya dan faktor keluarga merupakan faktor yang berada pada tahap yang sederhana dalam mempengaruhi minat pelajar tahun terhadap bidang keusahawanan. Bagi pengkaji akan datang dicadangkan bagi faktor persekitaran yang sedia ada dengan menambahkan lagi peluang-peluang dan pelbagaikan untuk menimbulkan minat pelajar yang lebih terhadap bidang keusahawanan.

Katakunci: bidang keusahawanan

Pengenalan

Ketua Pengarah Jabatan Pengurusan Institusi Pengajian Tinggi (IPT), Kementerian Pengajian Tinggi, Prof Datuk Dr. Hasssan Said berkata langkah itu selaras pelaksanaan Pelan K-Ekonomi ke arah mewujudkan negara berteraskan pengetahuan ekonomi (K-Ekonomi). Malah, semua pelajar universiti awam diwajibkan mengikuti kursus keusahawanan sebagai persediaan menceburi bidang perniagaan dan meningkatkan daya saing dalam pasaran kerjaya.

Program pendidikan keusahawanan mestilah diselaraskan bersama dengan pelbagai institusi pengajian tinggi, kandungan pendidikannya boleh diadaptasikan dengan perkembangan perniagaan negara khususnya sektor IKS dan mewujudkan lebih ramai ahli pemikir serta akademik dalam bidang berkenaan. (Berita Harian, 5 Januari 2006)

Pernyataan Masalah

Kurikulum keusahawanan lebih menyeluruh dan berkesan adalah perlu bagi memberi pengetahuan awal kepada pelajar. Pensyarah-pensyarah yang berdedikasi dan berinovatif dalam pendekatan pengajarannya juga penting dalam menyuntik semangat kepada pelajar.

Di samping itu, tidak ketinggalan peranan individu yang paling hampir iaitu keluarga, masyarakat sekeliling untuk membantu memberi motivasi dalam kecenderungan terhadap bidang keusahawanan.

Penyelidik menjalankan penyelidikan untuk mengkaji faktor manakah yang mempengaruhi minat pelajar terhadap bidang keusahawanan dan perdagangan. Penyelidik jua ingin mengenal pasti sejauhmanakah faktor-faktor itu yang menyebabkan pelajar berminat terhadap bidang keusahawanan.

Kajian ini berdasarkan faktor-faktor seperti kurikulum yang telah dipelajari, peranan pensyarah sewaktu sesi pembelajaran dan pengajaran di dalam kuliah dan di luar kuliah, suasana persekitaran pelajar, latar belakang keluarga dan pengaruh rakan sebaya di manakah faktor-faktor ini yang berkait rapat dalam kehidupan seorang pelajar.

Objektif Kajian

Tujuan kajian untuk mengenal pasti faktor-faktor yang mempengaruhi minat pelajar terhadap bidang keusahawanan iaitu :

- 1 Mengenal pasti faktor mata pelajaran Perdagangan dan Keusahawanan dalam mempengaruhi minat pelajar terhadap bidang keusahawanan.
- 2 Mengenal pasti peranan yang dimainkan oleh pensyarah dalam mendorong minat pelajar untuk meminati bidang keusahawanan
- 3 Mengenal pasti faktor suasana persekitaran yang dapat merangsang minat pelajar terhadap bidang keusahawanan.
- 4 Mengenal pasti peranan faktor keluarga dalam membantu memupuk minat pelajar terhadap bidang keusahawanan.
- 5 Mengenal pasti peranan faktor rakan sebaya yang boleh memberi motivasi untuk meminati bidang keusahawanan.

Kepentingan Kajian

Kajian ini adalah penting untuk mengenal pasti faktor utama yang mempengaruhi minat pelajar tahun akhir aliran Jabatan Teknikal dan Kejuruteraan terhadap bidang keusahawanan. Hasil kajian ini dapat dimanfaatkan dan memberi maklumat yang lebih lanjut kepada pihak-pihak tertentu seperti :

1 Perancang dan Penggubal Kurikulum

Dapatan kajian ini diharap boleh menjadi panduan kepada perancang kurikulum untuk merancang sesuatu dengan lebih sistematik.

2 Pensyarah dan pentadbir jabatan

Pensyarah dan pentadbir jabatan dapat menjadikan hasil kajian ini sebagai sumbangan untuk merancang dan membentuk strategi pembelajaran dan pengajaran yang lebih berkesan serta efisien.

3 Ibu bapa dan penjaga

Ibu bapa dan penjaga juga diharap dapat menjadikan dapatan kajian ini sebagai rujukan dan panduan dalam mendidik dan memupuk minat anak-anak terhadap kerjaya keusahawanan. Hasil kajian ini juga dapat membantu ibu bapa dan penjaga membuka minda anak-anak ke arah keusahawanan.

Batasan Kajian

1 Mengenal pasti faktor-faktor yang mempengaruhi minat pelajar terhadap bidang keusahawanan dan seterusnya faktor yang mana paling mempengaruhi pelajar.

2 Melibatkan pelajar-pelajar Tahun 4, Aliran Jabatan Pendidikan Teknikal dan Kejuruteraan, Universiti Teknologi Malaysia. (Pendidikan Kemahiran Hidup, Pendidikan Kejuruteraan Mekanikal, Pendidikan Kejuruteraan Awam dan Pendidikan Kejuruteraan Elektrik)

3 Aspek kajian yang telah dipilih adalah berdasarkan kepada faktor-faktor mata pelajaran Perdagangan dan Keusahawanan, peranan pensyarah dalam mendorong minat terhadap keusahawanan, suasana persekitaran, pengaruh daripada pihak keluarga dan pengaruh daripada rakan sebaya.

Metodologi

Populasi Kajian dan Sampel Kajian

Populasi kajian ini terdiri daripada pelajar-pelajar tahun akhir perdana aliran Jabatan Pendidikan Teknik dan Kejuruteraan di Universiti Teknologi Malaysia yang telah mengambil mata pelajaran Perdagangan dan Keusahawanan pada semester enam tahun 2006/2007. Pelajar-pelajar tahun akhir ini terdiri daripada kursus Pendidikan Kemahiran Hidup, Pendidikan Kejuruteraan Awam, Pendidikan Kejuruteraan Jentera dan Pendidikan Kejuruteraan Elektrik.

Sampel kajian terdiri daripada 140 orang pelajar yang mengambil mata pelajaran Perdagangan dan Keusahawanan dipilih berdasarkan jadual persampelan Krejcie dan Morgan (1970). Pelajar-pelajar yang terlibat dalam setiap kursus dipilih secara rawak kelompok.

Jumlah responden bersesuaian dengan jumlah populasi dalam kawasan kajian, menurut Krejcie dan Morgan (1970) dalam jadual penentuan saiz populasi, jika populasi seramai 159 orang, maka sampel yang sesuai digunakan ialah 140 orang responden.

Instrumen Kajian

Menurut Mohamad Najib (1999), instrumen kajian akan menentukan jenis data yang diperolehi dan ini akan mempengaruhi jenis analisis pengkaji. Penyelidik memilih untuk menggunakan soal selidik sebagai instrumen kajian yang dikemukakan dan diedarkan kepada responden. Ia bertujuan untuk mendapatkan maklumat secara terus bagi kajian ini. Item soal selidik ini dibahagi kepada dua bahagian iaitu Bahagian A dan Bahagian B. Bahagian A terdiri daripada soalan-soalan yang berkaitan dengan demografi responden iaitu jantina, umur, pendapatan bapa dan pendapatan ibu. Bahagian B terdiri daripada pengaruh kurikulum terhadap minat, peranan pensyarah, pengaruh suasana persekitaran, pengaruh keluarga terhadap minat dan pengaruh rakan sebaya terhadap minat.

Kajian rintis

Menurut Mohamad Najib (1999) dua perkara penting berkaitan instrumen yang perlu dipastikan ialah kesahan dan kebolehpercayaan. Kesahan bermaksud data yang diperolehi adalah melambangkan apa yang diukur. Kajian rintis ini dijalankan bertujuan untuk menguji semula kesahan dan kebolehpercayaan item-item dalam soal selidik sebelum kajian sebenar dijalankan. Kajian rintis juga boleh digunakan untuk mengkaji masalah-masalah yang timbul sewaktu proses kajian sebenar.

Kajian rintis telah dijalankan ke atas 10 orang responden yang dipilih secara rawak dan ianya tidak termasuk dalam sampel kajian. Mereka terdiri daripada pelajar Tahun Akhir Ijazah Sarjana Muda

Pendidikan Fizik. Soal selidik telah dianalisis dengan menggunakan program *Statistical Package for Social Science for Window versi 13.0*. Formula *Alpha Cronbach* digunakan untuk menentukan kebolehpercayaan instrumen tersebut. Ujian kebolehpercayaan memperoleh pekali *Alpha Cronbach* 0.951

Analisis ke atas responden-responden dilakukan berdasarkan aspek-aspek tertentu untuk melihat keputusannya. Analisis deskriptif melibatkan kekerapan, peratusan dan min digunakan untuk menerangkan faktor-faktor yang mempengaruhi pelajar tahun akhir terhadap bidang keusahawanan di UTM.

Menurut Mohamad Najib (2003) min melambangkan arah tuju respon. Menurut Chase (1984) min berupaya mempersembahkan satu titik keseimbangan dalam pembahagian market. Menurut Havilcek dan Crain (1988) kaedah yang paling lazim digunakan dalam mengukur titik pusat kecenderungan adalah menggunakan kaedah min. Kaedah min adalah berdasarkan konsep perbandingan dan kontras (Hildebrand dan Crain, 1986). Selain itu, menurut Hildebrand dan Crain (1986) min merupakan titik keseimbangan di mana respon positif dan negatif adalah saling bertentangan.

Menurut Mohamad Najib (2003) semua statistik parametik yang umum seperti purata min boleh digunakan untuk menganalisis data yang diukur dengan skala sela. Min digunakan untuk tujuan penganalisisan kajian ini kerana menerusi penggunaan lima aras skala likert , penyelidik dapat mengelaskan faktor-faktor yang mempengaruhi pelajar kepada lima pemeringkatan.

Keputusan

Analisis bahagian ini adalah bertujuan untuk mengumpulkan maklumat mengenai faktor-faktor yang mempengaruhi minat pelajar tahun akhir terhadap bidang keusahawanan.

Jadual 1: Purata peratusan dan min responden bagi persoalan kajian mengenai faktor-faktor yang mempengaruhi minat pelajar tahun akhir terhadap bidang keusahawanan.

| Bi 1 | Persoalan Kajian | Purata | | | | | | Min |
|---------|--|--------------|-----------|-------------|-------|----------|------|-----|
| | | Tidak Setuju | | Tidak Pasti | | Setuju | | |
| | | <i>f</i> | % | <i>f</i> | % | <i>f</i> | % | |
| 1. | Faktor Mata pelajaran Perdagangan dan Kcusahawanan yang mempengaruhi minat pelajar terhadap bidang keusahawanan. | 24.2 | 17.3 2 | 15.8 | 14.44 | 100 | 71.4 | 3.7 |
| 2. | Faktor pensyarah dapat mendorong pelajar supaya berminat menceburi bidang keusahawanan. | 20.4 | 14.6 | 20.4 | 14.6 | 97.2 | 70.9 | 3.7 |
| 3. | Faktor suasana persekitaran dapat merangsang minat pelajar terhadap bidang keusahawanan. | 36 | 25.7 | 20.4 | 14.6 | 83.6 | 59.7 | 3.5 |
| 4. | Faktor keluarga yang dapat mempengaruhi minat pelajar terhadap bidang keusahawanan. | 77.2 | 55.1 | 12.2 | 8.72 | 50.6 | 34.1 | 2.7 |
| 5. | Faktor rakan sebaya memberi motivasi untuk meminati bidang keusahawanan. | 45.8 | 32.7 | 15.8 | 11.3 | 78.4 | 55.9 | 3.3 |

f = Kekerapan

Secara keseluruhan, pelajar tahun akhir meminati bidang keusahawan kerana peratus yang bersetuju tinggi bagi persoalan kajian satu, persoalan kajian kedua, persoalan kajian ketiga dan persoalan kajian kelima. Hanya persoalan kajian yang keempat sahaja yang menunjukkan peratus tidak bersetuju yang tinggi bagi faktor keluarga dapat membantu minat memupuk minat mereka ke arah bidang keusahawanan. Item nombor 6 yang menunjukkan responden yang paling ramai yang bersetuju bahawa pensyarah memberi galakkan untuk melibatkan diri dalam bidang keusahawanan. Di samping itu juga, item nombor 18 iaitu *saya meminati bidang keusahawanan apabila ibu bapa saya melibatkan saya dalam bengkel-bengkel keusahawanan mereka* merupakan item yang paling tinggi tidak bersetuju dan persoalan kajian keempat mendapat purata min yang paling rendah iaitu sebanyak 2.7 berbanding dengan persoalan kajian yang lain.

Perbincangan

Faktor Mata Pelajaran Perdagangan dan Keusahawanan yang mempengaruhi minat pelajar terhadap bidang keusahawanan.

Kurikulum merupakan dasar dalam penggubalan sukatan atau isi pelajaran di pusat-pusat pengajian tinggi. Kurikulum yang sesuai dan menarik boleh mengubah tanggapan dan menarik minat pelajar terhadap sesuatu mata pelajaran. Hasil dapatan kajian dari Jadual 4.5 didapati majoriti responden bersetuju bahawa mata pelajaran Perdagangan dan Keusahawanan adalah penting dalam mempengaruhi pelajar terhadap bidang keusahawanan. Persoalan kajian 1 merupakan faktor yang paling tinggi dalam mempengaruhi minat pelajar terhadap bidang keusahawanan. Min bagi persoalan kajian ini ialah 3.7. Hanya item 4 sahaja iaitu *mata pelajaran Perdagangan dan Keusahawanan telah mendorong saya untuk meminati bidang keusahawanan kerana subjek tersebut memberi peluang untuk merancang sesuatu perniagaan* yang mendapat responden yang paling rendah. Hanya 24 responden sahaja yang tidak bersetuju, manakala selebihnya seramai 8 responden yang tidak pasti dan 110 responden yang bersetuju.

Maka dari beberapa kenyataan tersebut, jelaslah kurikulum memainkan peranan yang penting dalam memupuk semangat, minat, sifat-sifat kemahiran dan pengetahuan untuk membawa pelajar ke arah mencapai matlamat atau kejayaan supaya menjadi seorang usahawan.

Kepentingan rekabentuk kurikulum yang unggul menjadikan sesebuah negara maju yang berusaha membangunkan kurikulumnya seiring dengan keperluan dan matlamat pembangunan negara. Kejayaan negara juga ditentukan oleh kurikulum yang digunakan sekarang kerana kurikulum yang padat akan menghasilkan generasi yang lebih kreatif.

Secara puratanya, taburan peratusan responden yang menyokong bahawa faktor mata pelajaran Perdagangan dan Keusahawanan boleh merangsang pelajar terhadap bidang keusahawanan. Ini merupakan tahap yang memberangsangkan dan baik untuk keadaan pada masa akan datang.

Faktor pensyarah dapat mendorong pelajar supaya berminat menceburi bidang keusahawanan.

Pensyarah merupakan teras utama pendidikan di institusi pengajian tinggi. Untuk peringkat universiti pensyarah adalah pelaksana dasar dan matlamat kurikulum. Salah satu sifat pensyarah yang penting ialah menimbulkan minat pelajar terhadap pengajarannya. Pada peringkat awal seorang pelajar hanya minat semula jadi yang sedikit. Jadi apabila seseorang itu melangkah ke peringkat universiti maka pensyarah juga berperanan untuk menyuburkan minat mereka. Lantaran itu, jika pensyarah dapat menimbulkan minat para pelajar dengan lebih mendalam maka pembelajaran dan pencapaian akademik akan lebih terjamin.

Pensyarah juga merupakan faktor utama dalam menyumbang kecemerlangan dalam akademik pelajar. Pensyarah yang bijaksana akan menjadikan proses pengajarannya sesuatu yang bermanfaat. Kecekapan dan keberkesanan seseorang pensyarah juga memainkan peranan penting sebagai pembimbing atau model kerana ianya dapat mempengaruhi pelajar. Dapatan min bagi persoalan kajian ini ialah 3.7. Ia menunjukkan perkembangan yang bagus. Dapatan peratusan yang tinggi iaitu bersetuju untuk item 6, item ini berkenaan *pensyarah memberi galakkan untuk melibatkan diri dalam bidang keusahawanan*. Sebanyak 130 responden atau bersamaan dengan 92.9 peratus yang setuju untuk item 6 tersebut. Dapatan peratusan yang paling rendah bagi persoalan kajian 2 ialah item 6 juga kerana hanya 2.1 peratus tidak bersetuju bahawa *pensyarah memberi galakkan untuk melibatkan diri dalam bidang keusahawanan*. Bagi skala yang tidak pasti pula, item 7 iaitu pensyarah sering menceritakan tokoh-tokoh usahawan yang berjaya sekaligus telah menggalakkan saya untuk meminati bidang keusahawanan mendapat responden yang paling tinggi tidak pasti dengan item tersebut. Seramai 36 orang responden yang tidak pasti dengan item tersebut.

Pensyarah juga merupakan orang kuat yang tidak boleh lari untuk mengetahui keadaan dan kehendak pembangunan negara. Pensyarah akan menjalankan proses pembelajaran dan pengajaran yang sesuai dan mencapai matlamat negara selaras dengan kemajuan negara.

Pelajar amnya mempunyai sedikit pengetahuan, bagi aspek keusahawanan contohnya keluarga yang berteraskan perniagaan tetapi semua ilmu pengetahuan yang berkaitan hanya dipelajari di institusi pengajian. Pelajar lebih mempercayai ilmu yang disampaikan oleh pensyarah. Pensyarah lebih memahami corak dan matlamat negara, maka pensyarah boleh mencorak pelajarannya selaras dengan kemajuan negara.

Faktor persekitaran dapat merangsang minat pelajar terhadap bidang keusahawanan.

Hasil daripada kajian didapati faktor persekitaran mendapat nilai min sebanyak 3.5. Faktor persekitaran ini seperti sumber bekalan mentah, sumber modal dan media massa.

Hal ini menunjukkan persekitaran merangkumi semua keadaan yang dapat mempengaruhi tingkah laku. Pertumbuhan dan perkembangan diri individu sama ada secara langsung iaitu daripada manusia di sekeliling mereka ataupun melalui cara yang tidak langsung menerusi sebaran-sebaran am seperti radio, televisyen mahupun akhbar.

Analisis item 14 iaitu *media massa yang selalu menyiarkan kejayaan usahawan-usahawan telah mempengaruhi saya untuk meminati bidang keusahawanan* mendapat peratus responden bersetuju yang paling tinggi iaitu sebanyak 70 peratus bersamaan 98 responden. Dapatan yang paling tinggi juga dalam persoalan kajian ini ialah item 15 iaitu seramai 95 responden bersetuju bahawa *kemudahan khidmat nasihat yang disediakan oleh pihak perbankan bagi bakal-bakal usahawan telah merangsang saya untuk meminati bidang keusahawanan*. Aspek persekitaran yang kurang membantu dalam persoalan kajian ini ialah item 12 iaitu *sumber modal yang mudah diperolehi untuk memulakan perniagaan telah menggalakkan saya untuk menceburi dalam bidang keusahawanan*. Peratus yang bersetuju hanyalah 43.6 peratus. Purata min bagi persoalan kajian 3 ini ialah 3.5.

Kesimpulannya, memang tidak dinafikan persekitaran memang sentiasa membantu dan mempengaruhi dalam kehidupan manusia. Dalam konteks kajian, jelaslah bahawa suasa persekitaran mampu merangsang minat pelajar terhadap bidang keusahawanan.

Faktor keluarga yang dapat mempengaruhi minat pelajar terhadap bidang keusahawanan.

Bagi faktor keluarga, peratusan bagi kebanyakan item adalah pada tahap yang memuaskan dengan nilai min purata ialah 2.7. Ini menunjukkan perkaitan dengan bahagian A di mana kebanyakan pendapatan ibu

bapa bukan dari pendapatan yang lumayan. Jadi secara tidak langsung keadaan ini mempengaruhi minat responden dalam pembelajaran, minat responden dalam kerjaya atau kerja sampigannya.

Sekiranya terdapat salah seorang ahli keluarga yang berjaya maka mereka akan berminat untuk belajar atau menjadi seperti individu yang telah berjaya itu. Seterusnya keadaan keluarga seseorang individu pada masa kanak-kanak mahupun remaja mempengaruhi pemikiran dan pemilihan kerjaya pada masa dewasa.

Hal ini bertepatan juga dalam konteks pembelajaran dan pendidikan. Ibu bapa yang tidak menghiraukan pelajaran anak-anaknya akan menyebabkan anak-anaknya kurang berkeyakinan diri untuk cemerlang dalam pembelajaran. Pelajar yang mendapat perhatian yang sempurna sudah semstinya akan menjadi cemerlang berbanding dengan anak-anak yang kurang mendapat perhatian ibu bapa. Walaupun anak-anak yang belajar di peringkat tinggi perhatian amat penting kerana anak-anak akan berasa lebih dihargai jika ibu bapa mereka sangat mengambil berat terhadap pelajaran mereka. Malah mereka akan lebih bangga dan berusaha untuk memlakukan yang terbaik.

Hanya item 19 sahaja iaitu *keluarga memberi galakkan supaya menceburi bidang keusahawanan* apabila hasil kajian mendapat hanya 51.4 peratus sahaja yang bersetuju. Hal ini jelas menunjukkan bahawa faktor ibu bapa amat penting dalam mempengaruhi kepada anak-anak. Item 18 iaitu *saya meminati bidang keusahawanan apabila ibu bapa saya melibatkan saya dalam bengkel-bengkel keusahawanan* gagal mendapat peratus yang tinggi, hanya 28.5 peratus sahaja yang bersetuju.

Di samping itu juga, pekerjaan ibu bapa seseorang usahawan juga mampu mempengaruhi anak-anaknya. Seseorang anak akan menjadikan ibu bapanya sebagai model yang dikaguminya. Segala pengalaman bersama ibu bapa yang terlibat dalam perniagaan akan menjadikan mereka seperti ibu bapa sendiri.

Keseluruhannya, faktor keluarga juga turut menyumbang dalam penerapan minat responden terhadap aspek keusahawanan walaupun mendapat min yang paling rendah sebanyak 2.5 sahaja.

Faktor rakan sebaya memberi motivasi untuk meminati bidang keusahawanan.

Keperluan rakan sebaya adalah merupakan sifat semulajadi manusia. Dalam pergaulan, rakan turut memainkan peranan penting dalam membentuk minat seseorang. Hal ini kerana jika seseorang itu ingin menyertai atau mendampingi individu atau kumpulan seseorang sudah semestinya mereka mempunyai minat yang sama.

Dari hasil dapatan kajian kelima ini didapati faktor rakan sebaya adalah tahap yang baik dengan nilai min purata 3.3. Item 21 iaitu *permintaan rakan untuk melibatkan diri dalam pesta konvokesyen telah menarik minat saya untuk meminati bidang keusahawanan*. Item 21 juga menunjukkan responden yang paling sedikit tidak pasti dengan item tersebut iaitu seramai 10 responden atau 7.1 peratus daripada jumlah keseluruhan. Sebanyak 60 responden yang tidak setuju dengan item 24 bahawa *rakan melibatkan saya dalam bengkel-bengkel keusahawanan sekaligus telah menarik minat saya untuk meminati bidang keusahawanan*. Jumlah responden tersebut hanya menunjukkan perbezaan yang kecil dengan responden yang bersetuju kerana responden yang bersetuju ialah 66 orang. Bagi persoalan kajian 5, responden yang bersetuju dengan semua item persoalan kajian 5 melebihi 50 peratus. Hal ini jelas terbukti bahawa persoalan kajian 5 berjaya mempengaruhi mereka untuk meminati bidang keusahawanan.

Kesimpulannya, rakan sebaya akan dapat mempengaruhi rakan yang lain jika mereka mempunyai minat yang sama dan boleh bekerjasama serta boleh memberi motivasi antara satu sama lain. Pengaruh yang datangnya daripada rakan sebaya adalah lebih kuat dan lebih berpengaruh jika dibnading dengan pengaruh ibu bapa mereka sendiri.

Rumusan

Secara ringkasnya, akhirnya selesai juga perbincangan penyelidik mengenai tajuk faktor-faktor yang mempengaruhi minat pelajar tahun akhir terhadap bidang keusahawanan. Menerusi perbincangan pada bab ini, semua pihak sebenarnya memainkan peranan penting dalam merealisasikan sesuatu matlamat ataupun keinginan.

Diharapkan melalui kajian ini, secara tidak langsung kita telah dapat mengetahui faktor yang paling tinggi dan faktor yang paling rendah dalam mempengaruhi minat pelajar tahun akhir terhadap bidang keusahawanan. Faktor yang paling tinggi ialah faktor mata pelajaran Perdagangan dan Keusahawanan dan faktor pensyarah manakala faktor yang paling rendah ialah faktor keluarga.

Rujukan

Abdul Aziz Yusuf (1998). "*Asas-asas Keusahawanan*" Petaling Jaya. Pearson Education Sdn. Bhd.

Abdul Aziz Yusuf (2002), "*Usahawan dan Keusahawanan : Satu Penilaian* : Petaling Jaya : Prentice Hall. Pearson Education Sdn Bhd.

Abu Zahari Abu Bakar (1987). "*Memahami Psikologi Pembelajaran*" Petaling Jaya. Dewan Bahasa dan Pustaka

Afiuddin Hj. Omar (1982). "*Pengurusan Pembangunan*" Kedah : Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah.

Berita Harian, (2006). "*Keusahawanan jadi Kurikulum Sekolah, IPT.*" (5 Januari 2006. Khamis).
www.bharian.com.my

Chase, C.I. (1984). *Elementary Statistical Procedures*. Third Edition. Toronto : Mc Graw – Hill.

L.D. Crow L (1983). "*Psikologi Pendidikan Untuk Perguruan.*" Terjemahan Habibah Elias, Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.

Ee Ah Meng (1988), "*Pendidikan Sebagai Satu Proses.*" Kuala Lumpur. Fajar Bakti Sdn. Bhd.

Ee Ah Meng (1996) "*Psikologi Pendidikan,*" Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pusataka

Havilcek, L.L. and Crain, R.D. (1988). *Practical Statistical For The Physical Science*. Washington : ACS.

Hildebrand, D.K. (1986). *Statistical Thinking For Behavioral Scientist*. Boston : BWS

Krejcie, R.V & Morgan D.W (1970). "*Determining Sample Size For Research Activities, Educational and Pshchological*

Kamus Dewan Edisi Ketiga (1994), Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

Lee Shok Mee (1996), "*Teori dan Aplikasi Psikologi dalam Pengajaran dan Pembelajaran*". Kuala Lumpur. Kumpulan Budiman Sdn. Bhd

Lee Shok Mee (1997), "*Psikologi Pendidikan 2.*" Kuala Lumpur : Kumpulan Budiman

Pusat Perkembangan Kurikulum (2002), Kementerian Pendidikan Malaysia Kuala Lumpur : Dewan Bahasa Pustaka

Mohd. Asri Hj. Abdullah (2002), “ *Pengurusan Perniagaan Kecil.*” Kuala Lumpur : Utusan Publications dan Distributors Sdn. Bhd.

Mohamad Najib Abd. Ghafar (2003). *Reka Bentuk Tinjauan Soal Selidik Pendidikan. Skudai : Universiti Teknologi Malaysia.*: Universiti Teknologi Malaysia. 66-96

Mohamad Najib Abd. Ghafar (1999). “*Penyelidikan Pendidikan*” Skudai : Universiti Teknologi Malaysia.” : Universiti Teknologi Malaysia.